



PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA

KENYATAAN MEDIA

PEMAKLUMAN PENDENGARAN KES SECARA DALAM TALIAN SEMASA  
TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) TAHUN 2020

Selaras dengan pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 29 April 2020 sehingga 12 Mei 2020 yang telah diumumkan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia memaklumkan bahawa kenyataan media bertarikh 17 Mac 2020 dan 26 Mac 2020 adalah terpakai sehingga 12 Mei 2020.

Bagi memastikan akses kepada keadilan adalah berterusan semasa tempoh lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan ini, adalah dimaklumkan bahawa bagi kes-kes di **Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan**, pihak-pihak boleh memohon agar kes didengar secara dalam talian.

Manakala bagi **Mahkamah Tinggi Malaya**, terdapat tambahan senarai prosiding yang boleh didengar secara dalam talian bermula 4 Mei 2020 iaitu:

- a) Atas Permohonan Pihak-Pihak:
- (i) Bicara rayuan interlokutori (Kod 11A dan 12A);
  - (ii) Permohonan interlokutori yang tidak dicabar;
  - (iii) Permohonan interlokutori yang dicabar tetapi ringkas dan pendek; dan
  - (iv) Rayuan kepada Hakim dalam kamar terhadap keputusan Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar.

- b) Bagi penyampaian keputusan selepas perbicaraan, Mahkamah Tinggi Malaya akan memaklumkan kepada pihak-pihak tarikh keputusan yang akan disampaikan secara dalam talian; dan
- c) Atas inisiatif Mahkamah atau atas permohonan mana-mana pihak, semua mediasi boleh dikendalikan secara dalam talian.

Sekian, terima kasih.

**Unit Komunikasi Korporat**

Pejabat Ketua Pendaftar

Mahkamah Persekutuan Malaysia

**Tarikh: 24 April 2020**